

KUALA LUMPUR, Khamis. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan semua tenaga perlu digembeling untuk menentukan ancaman penganas komunis ditewas dan dihancurkan secepat mungkin.

Tegas beliau, peperangan menentang komunis adalah peperangan rakyat dan UMNO mesti memainkan peranan yang utama dalam perang ini.

"Kita mesti menjadi lidah dan suara kerajaan dan rakyat," kata beliau sewaktu merasmikan perhimpunan agung tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pagi ini.

Kata beliau, semua ahli dan pemimpin UMNO dari Pemuda, Wanita dan UMNO Dewasa hendaklah menjadikan tanggungjawab mereka memahami dan menerangkan tentang perang anti-komunis ini.

Dr. Mahathir menerangkan, perang menentang komunis dijadikan peperangan rakyat bukan kerana ia disyitiharkan sebagai peperangan rakyat.

Yang lebih penting, tegas beliau ialah peperangan ini melibatkan semua lapangan rakyat, samada miskin atau kaya, China, Melayu atau India.

(Ucapan penuh Timbalan Perdana Menteri disiarkan di muka 2).

Dr. Mahathir berkata semua rakyat akan merasai kesan buruk dari peperangan ini.

Bagi yang miskin, kesan pertama ialah kurangnya peruntukan wang untuk pembangunan yang ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan.

Bagi yang kaya,

Basmi angkara komunis soal utama — Mahathir

BH - 2 JUL 1978

menurut beliau, peperangan ini akan menyusah kehidupan dan menyekat perniagaan mereka dan para pekerja yang bergantung kepada perniagaan mereka juga akan terancam.

Pengganas komunis, kata Dr. Mahathir, tidak akan mbedakan antara miskin dengan kaya, atau antara kaum dengan kaum dalam serangan mereka.

Bagi orang-orang

Melayu khususnya, ugama mereka akan terancam kerana komunis tidak akan mbedakan ugama Islam orang miskin dan ugama Islam orang kaya.

Sekarang ini pun, kata beliau, komunis telah cuba menghancurkan kepercayaan semua orang Melayu, samada miskin atau kaya, kepada ugama Islam.

Dr. Mahathir menegaskan kebahagiaan rak-

yat cuma akan dapat dicapai melalui kemenangan perang terhadap komunis.

"Lebih besar kesanggupan rakyat mengorbankan kehendak mereka yang tidak begitu penting, lebih mudah dan lebih cepat kemenangan akan dicapai," katanya.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia berkata soal pengorbanan rakyat ini sebe-

narnya merupakan satu ujian kepimpinan bagi orang-orang UMNO.

"Apakah kita sanggup menjadi tidak popular kerana kita sedar peperangan terhadap komunis adalah lebih penting atau kita utamakan populariti diri kita walaupun kesannya mungkin kecelakaaan bagi bangsa dan negara?"

Beliau menegaskan

★ Muka 12 Ruang 4

Perpaduan UMNO

DARI MUKA 1

adalah lebih baik kita hancur kerana menjadi kepentingan penganut UMNO dan orang Melayu serta negara daripada kita menjadi popular dengan memimpin kaum bangsa kita ke arah kecelakaan.

Beliau lalu menyeru anggota UMNO seluruhnya supaya menghidupkan semula semangat perpaduan seperti yang telah lahir

pada masa UMNO berjuang untuk mencapai kemerdekaan dahulu.

Dr. Mahathir berkata di waktu ini terdapat satu pertandingan antara pengaruh ugama dan kebudayaan.

Yang lebih merungutkan lagi, katanya, ialah mereka yang kononnya berjuang untuk kebaikan menggunakan nafsu dan perasaan irihati serta benci membenci.